

GARIS PANDUAN

LESEN IMPORT (AP) KAJIAN PASARAN DAN PRA-PEMASANGAN (AP MRA)

- A. Objektif** : Membantu syarikat pemasang tempatan untuk mengimport kenderaan dalam bentuk *completely built-up* (CBU) bagi tujuan kajian pasaran serta promosi sebelum pemasangan *completely knocked down* (CKD) dimulakan.
- B. Syarat Kelayakan** : (i) **Syarikat Pemohon**
- (a) Syarikat telah mendapat kelulusan model untuk pemasangan secara tempatan daripada Bahagian Pembangunan Industri (BPI), MITI;
 - (b) Syarikat mempunyai Lesen Pengilang atau kontrak pemasangan dengan mana-mana kilang pemasangan tempatan; dan
 - (c) Syarikat yang belum membuat pengimportan pek CKD untuk pemasangan secara tempatan bagi model yang telah diluluskan.
- (ii) **Kenderaan yang layak:**
- (a) Model kenderaan yang telah diluluskan untuk pemasangan secara tempatan daripada BPI, MITI;
 - (b) Model kenderaan yang tidak pernah diberikan kelulusan di bawah pengimportan di bawah AP MRA bagi mana-mana syarikat; dan
 - (c) Belum dipasang di Malaysia.
- C. Agihan Peruntukan AP** : Permohonan dinilai secara kes demi kes. Agihan peruntukan AP MRA diberi secara *one-off* dan ianya dipertimbangkan tidak melebihi jumlah siling agihan AP yang ditetapkan seperti berikut:

Bil.	Kategori Kenderaan	Agihan AP (unit)/Model
1.	Kereta penumpang dan motosikal	100
2.	Van perdagangan	50
3.	Lori	50
4.	Bas	30

- D. Penghantaran Permohonan** : Syarikat perlu mengemukakan Permohonan AP MRA berserta dokumen sokongan yang disenaraikan dalam Senarai Semak Dokumen Permohonan AP MRA seperti di **LAMPIRAN 1** melalui:

Serahan Tangan

Kaunter 8
Seksyen Kawalan Eksport dan Import
Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Aras 2, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur

(Waktu Operasi: 9.00 pagi hingga 4.00 petang pada setiap hari kecuai Sabtu, Ahad dan cuti umum)

atau

Pos

Pengarah
Seksyen Kawalan Eksport dan Import
Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Aras 2, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur

E. Dokumen Sokongan Pemprosesan AP Menerusi Sistem e-Permit : Syarikat yang telah mendapat kelulusan agihan peruntukan AP MRA hendaklah mengemukakan dokumen sokongan di bawah ketika membuat permohonan AP MRA secara dalam talian menerusi sistem ePermit.

- (i) Surat permohonan rasmi;
- (ii) Surat kelulusan MITI;
- (iii) Lesen Pengilang
- (iv) Technical Specification & Photos of Vehicle
- (v) *Bill of Lading* (BL); dan
- (vi) *Invoice/ Packing List*.

F. Proses Kerja : Carta Alir Permohonan AP MRA

G. Pertanyaan Lanjut : (i) Berkaitan Surat Kelulusan Pemasangan Secara Tempatan Oleh BPI, MITI:

Seksyen Dasar Bukan Sumber
Bahagian Pembangunan Industri
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Aras 10, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah

50480 Kuala Lumpur

Nombor telefon : 03 – 6208 4621/4610/4611

E-mel : allbpi@miti.gov.my

(ii) **Berkaitan Permohonan AP MRA:**

Seksyen Kawalan Eksport dan Import
Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Aras 2, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur

Nombor telefon : 03 – 6208 4710/4708/4726/4778

E-mel : ap@miti.gov.my /
apluarkuota@miti.gov.my

(iii) **Berkaitan sistem ePermit:**

Bahagian Khidmat Pelanggan (Careline)
Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. (DNT)
Dagang Net Tower, Block 10 (A&B) Corporate Park,
Star Central, Lingkaran Cyberpoint Timur, Cyber 12,
63000 Cyberjaya,
Selangor

Nombor telefon : 1 300 133 133

E-mel : careline@dagangnet.com

Laman web : www.dagangnet.com